

## **PEMBELAJARAN ABAD KE-21 (PAK 21) DALAM PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN TILAWAH AL-QURAN**

### ***21<sup>ST</sup> CENTURY LEARNING (PAK 21) IN TEACHING AND LEARNING AL-QUR'AN RECITATION***

***Abd Rahim Salleh<sup>1</sup>, Hafizhah Zulkifli<sup>2</sup>, & Ab Halim Tamuri<sup>3</sup>***

*Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia  
p112792@siswa.ukm.edu.my<sup>1</sup>, hafizhah\_zulkifli@ukm.edu.my<sup>2</sup>, & abhalim@ukm.edu.my<sup>3</sup>*

#### **ABSTRACT**

*Al-Quran recitation is a field found in Islamic Education subjects whether at primary or secondary level. The skills that are focused on are reading, memorizing, and appreciating the lessons from the Quran. In order to improve the quality of national education, the Malaysian Ministry of Education (KPM) has introduced the 21<sup>st</sup> Century Learning approach (PAK21) in the PdPc of each subject. So, the challenge to implement PAK21 is also felt in PdPc Tilawah al-Quran. The challenge of how Islamic Education Teachers (GPIs) can apply elements of PAK21 such as communication, collaboration, creativity, criticism, and ethical values in PdPc Tilawah al-Quran. Therefore, this study aims to identify the form of application of PAK21 in PdPc Tilawah al-Quran and its effectiveness in addition to providing suggestions for improvement. The design of this study is a bibliographic study which focuses on past studies that have been conducted related to elements of local wisdom whether in the form of journals, books, and conference papers. The findings found that GPI has practiced all elements of PAK21 in PdPc Tilawah al-Quran such as the Talaqqi Musyafahah method. Likewise with the use of learning aids characterized by information technology. However, there are also challenges faced by teachers and students such as teacher readiness, gadget stability and so on. It is hoped that this study can provide information to teachers, school principals, the District Education Office (PPD), the State Education Department (JPN) and also the Ministry of Education and Culture about the situation and development of PdPc Tilawah al-Quran using the PAK21 approach. With this information, the relevant parties can take action by organizing strategies and approaches that can further increase the learning potential of students and the teaching performance of teachers.*

**Keywords:** *21<sup>st</sup> Century Teaching (PAK21), Al-Quran Recitation, Islamic Education Teacher.*

#### **ABSTRAK**

Tilawah al-Quran adalah satu bidang yang terdapat dalam mata pelajaran Pendidikan Islam samada di peringkat rendah atau menengah. Kemahiran yang difokuskan ialah membaca, menghafaz dan menghayati pengajaran daripada al-Quran. Bagi meningkatkan kualiti pendidikan negara, maka Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah memperkenalkan pendekatan Pembelajaran Abad Ke-21 (PAK21) dalam PdPc setiap mata pelajaran. Maka cabaran untuk melaksanakan PAK21 juga turut dirasai dalam PdPc Tilawah al-Quran. Cabaran bagaimana Guru Pendidikan Islam (GPI) dapat menerapkan elemen PAK21 seperti komunikasi, kolaboratif, kreativiti, kritis dan nilai etika dalam PdPc Tilawah al-Quran. Justeru itu, kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti bentuk pengaplikasian PAK21 dalam PdPc Tilawah al-Quran dan keberkesanannya disamping memberikan cadangan untuk penambahbaikan. Rekabentuk kajian ini ialah kajian kepustakaan yang mana menumpukan kepada kajian-kajian lepas yang pernah dijalankan berkaitan unsur kearifan tempatan samada dalam bentuk jurnal, buku dan kertas kerja persidangan. Hasil dapatan

mendapati GPI telah mengamalkan semua elemen PAK21 dalam PdPc Tilawah al-Quran seperti kaedah *Talaqqi Musyafahah*. Begitu juga dengan penggunaan bahan bantu belajar yang bercirikan teknologi maklumat. Namun begitu terdapat juga cabaran yang dihadapi oleh guru mahupun murid seperti kesediaan guru, kestabilan gajet dan sebagainya. Diharapkan melalui kajian ini dapat memberikan maklumat kepada guru, pentadir sekolah, Pejabat Pendidikan Daerah (PPD), Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) dan juga KPM tentang situasi dan perkembangan PdPc Tilawah al-Quran menggunakan pendekatan PAK21. Dengan maklumat ini membolehkan pihak-pihak berkenaan mengambil tindakan dengan menyusun strategi dan pendekatan yang boleh meningkatkan lagi potensi belajar murid dan prestasi mengajar guru.

**Kata Kunci:** *Pengajaran Abad ke-21 (PAK21), Tilawah al-Quran, Guru Pendidikan Islam.*

## **PENGENALAN**

Pembangunan dan pertumbuhan ekonomi sesebuah negara amat berkait rapat dengan bentuk pendidikan sesebuah negara. Negara yang menikmati kemajuan ekonomi yang pesat adalah hasil daripada pendidikan rakyatnya yang berkualiti dan tinggi. Rakyat yang mempunyai pendidikan yang terbaik akan dapat meningkatkan taraf hidup, menjadi anggota masyarakat yang bertanggungjawab, hidup harmoni serta aktif dalam membangunkan negara beridentitikan nasional (KPM 2014). Kemunculan Revolusi Pendidikan 4.0 (RI 4.0) yang bercirikan teknologi maklumat dan komunikasi telah memberi kesan dunia pendidikan. Maka Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) perlu membina satu kurikulum yang menerapkan pendekatan baharu selaras dengan perkembangan ekonomi dan teknologi semasa (James 2017). Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) menyatakan enam aspirasi murid iaitu murid mempunyai pengetahuan, kemahiran berfikir, kemahiran memimpin, kemahiran dwibahasa, etika dan kerohanian serta identiti nasional. Maka kurikulum kebangsaan yang dibina oleh KPM bermatlamatkan untuk melahirkan generasi yang seimbang serta menguasai kemahiran abad ke-21 iaitu yang bercirikan kemahiran berfikir secara kritis, kreatif, inovatif serta mampu bersaing di peringkat sejagat (KPM 2014).

Sebagai usaha untuk meningkatkan prestasi sekolah dan mampu bersaing di peringkat global, maka pada tahun 2014, KPM telah mengarahkan semua sekolah melaksanakan PAK21 (Nur Adibah 2021). PAK21 mempunyai 5 standard asas iaitu komunikasi, kolaboratif, komunikasi, pemikiran kritis serta nilai murni dan etika. Semua mata pelajaran mesti mengubah bentuk pengajaran dan pemudahcaraan (PdPc) supaya seiring dengan kehendak KPM termasuklah mata pelajaran Pendidikan Islam. Salah satu bidang yang terdapat dalam mata pelajaran ini ialah Tilawah al-Quran. Objektif dan fokus Tilawah al-Quran ialah membaca, menghafaz kalimah dan surah terpilih daripada al-Quran dengan betul dan bertajwid serta boleh merumuskan pengajaran dan istiqamah mengamalkan dalam kehidupan harian (KPM 2015).

## **PENYATAAN MASALAH**

Al-Quran telah dibaca, dihafaz dan dipelajari sejak penurunannya pada zaman Rasulullah SAW hingga ke hari ini. Pelbagai teknik, cara kaedah dan pendekatan yang digunakan bagi memastikan al-Quran dapat dikuasai oleh setiap orang Islam. Justeru, dalam konteks pendidikan di Malaysia yang bercirikan PAK21, maka PdPc Tilawah al-Quran juga perlu selari. Namun beberapa persoalan yang timbul antaranya bagaimana Guru Pendidikan Islam (GPI) menggunakan pelbagai sumber sokongan teknologi maklumat dalam PdP secara berkualiti dan berkesan? Bagaimana

kompetensi pedagogi Tilawah al-Quran? Bagaimana Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) diterapkan dalam PdPc Tilawah al-Quran? dan Bagaimana mengurus bilik atau ruang belajar semasa PdPc Tilawah al-Quran?

Berdasarkan kajian-kajian lepas mengenai PAK21 dalam Pendidikan Islam mendapati keputusannya tidak konsisten. Ada yang tinggi, sederhana dan ada yang rendah. Menurut Wardyawaty (2020) mendapati tahap kesediaan dan tahap amalan pengajaran PAK 21 berada pada tahap tinggi. Namun dapatan kajian Nur Hawa (2018) menunjukkan tahap kesediaan guru berada pada tahap yang rendah dengan beberapa faktor yang telah dikaji. Manakala Masyuniza (2015) berpendapat amalan PAK 21 berada pada tahap yang sederhana.

Sehubungan dengan itu, satu kajian bercirikan kajian kepustakaan atau analisis literatur untuk mengetahui dan meneroka pengamalan PAK21 dalam PdPc Tilawah al-Quran. Kajian ini turut mengenal pasti cabaran yang dihadapi serta langkah-langkah yang diambil untuk penambahbaikan dalam PAK21 agar memberi kesan yang positif dan optimum kepada guru, murid, ibu bapa dan komuniti pendidikan.

## **OBJEKTIF KAJIAN**

Kajian ini bertujuan untuk;

1. Menenal pasti pengaplikasian Pembelajaran Abad Ke-21 (PAK21) dalam pengajaran dan pemudahcaraan (PdPc) Tilawah al-Quran.
2. Menenal pasti keberkesanan pelaksanaan Pembelajaran Abad Ke-21 (PAK21) dalam pengajaran dan pemudahcaraan (PdPc) Tilawah al-Quran.
3. Mencadangkan langkah-langkah yang boleh menambah keberkesanan Pembelajaran Abad Ke21 (PAK 21) dalam pengajaran dan pemudahcaraan (PdPc) Tilawah al-Quran.

Berdasarkan objektif di atas, kaedah kajian ini adalah berbentuk kajian kepustakaan. Kajian kepustakaan menumpukan kepada kajian-kajian lepas yang pernah dijalankan berkaitan samada dalam bentuk jurnal, buku dan kertas kerja persidangan. Ianya juga sama seperti kajian literatur iaitu pengkaji membuat tinjauan ke atas kajian-kajian lepas untuk memperolehi maklumat berkaitan dengan kajian yang ingin dilaksanakan.

## **KEPENTINGAN KAJIAN**

Tilawah al-Quran merupakan satu bidang yang sangat penting dalam Pendidikan Islam. Keupayaan murid untuk membaca dan menghafaz al-Quran dengan betul merupakan fokus utama setiap guru dan ibu bapa. Oleh yang demikian, penggunaan teknik yang baik dan berkesan digabung jalin dengan pendekatan PAK21 diyakini akan meningkatkan prestasi dan minat murid. Justeru itu, diharapkan melalui kajian ini dapat memberikan maklumat kepada guru, pentadir sekolah, Pejabat Pendidikan Daerah (PPD), Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) dan juga KPM tentang situasi dan perkembangan PdPc Tilawah al-Quran menggunakan pendekatan PAK21. Dengan maklumat ini membolehkan pihak-pihak berkenaan mengambil tindakan dengan menyusun strategi dan pendekatan yang boleh meningkatkan lagi potensi belajar murid dan prestasi mengajar guru.

## **KAJIAN LITERATUR**

### **Konsep PAK 21**

Dalam konteks Pembelajaran Abad ke-21 (PAK21) di Malaysia, pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah menggariskan lima standard asas PAK21 yang dijadikan panduan utama kepada para guru dalam menjayakan pembelajaran dan pemudahcaraan abad ke-21 bagi setiap mata pelajaran di sekolah-sekolah di Malaysia termasuk Pendidikan Islam. Pendekatan PAK21 ini adalah berfokuskan kepada pembelajaran yang berpusatkan murid dengan berpaksikan kepada lima kemahiran utama yang perlu dikuasai oleh murid iaitu kemahiran komunikasi, kolaboratif, pemikiran kritis, kreativiti serta nilai murni dan etika (Mohd Zailani 2017). Oleh itu para guru perlu lebih peka dalam melaksanakan PAK 21 di dalam kelas.

Guru-guru diberi tanggungjawab untuk melaksanakan peranan baharu sebagai perancang, pembimbing, pemudahcara dan pencetus daya berfikir murid dalam menguasai pengetahuan, kemahiran dan mengamalkan nilai berdasarkan objektif pelajaran sebagaimana yang dinyatakan di dalam Standard 4 SKPMg2 (Jemaah Nazir Sekolah: 2016). Terdapat dua kemahiran yang terlibat dalam kemahiran berfikir iaitu pemikiran kritis dan kreativiti. Hal ini membuktikan bahawa kebijaksanaan guru merangsang kemahiran berfikir murid merupakan salah satu kemahiran pedagogi guru (Mohd Syaubari & Ahmad Yunus 2017). Guru perlu mempelbagaikan kaedah dan pendekatan pengajaran sebagai memenuhi keperluan dan kesesuaian dalam PAK 21 Kaedah pendekatan guru untuk proses pembelajaran murid dianggap sebagai penyelesaian yang tepat untuk mengatasi masalah tersebut (Irwanto et al. 2018).

Peranan guru sebagai tonggak utama mendukung aspirasi negara bagi melahirkan insan yang berkualiti dan berakhlak mulia menuntut guru agar sentiasa cakna terhadap perkembangan murid semasa melaksanakan proses pengajaran. Guru Pendidikan Islam juga digelar sebagai daie, oleh itu perlulah mempunyai pengetahuan mendalam terhadap murid mereka (Ab. Halim, 2012).

### **Pembelajaran Abad Ke-21**

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) telah memperkenalkan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 yang memberi tumpuan pada pembelajaran abad ke-21 serta idea berkaitan peranan guru sebagai pemudahcara. PPPM telah mengeluarkan garis panduan dan matlamat yang perlu dicapai dalam pendidikan Malaysia. KPM telah melancarkan reformasi kurikulum melalui pelaksanaan Kurikulum standard ini kemudiannya ditambah baik dengan terlaksananya KSSR sejak tahun 2011. Kurikulum standard ini kemudiannya ditambah baik dengan terlaksananya KSSR (Semakan) bermula tahun 2017. Kurikulum baru ini memberi tumpuan pada aspek-aspek kemahiran dan kompetensi yang boleh memenuhi keperluan pendidikan abad ke-21. KPM menggalakkan para guru mengambil inisiatif dalam pembangunan sendiri bagi meningkatkan pengetahuan dan kemahiran serta mengaplikasikan amalan pengajaran baru yang mampu memenuhi keperluan abad-ke-21 seperti yang dinyatakan dalam PPPM 2013-2025. (Kemeterian Pendidikan Malaysia 2013). Oleh itu, para guru perlu berusaha meningkatkan kemahiran ICT untuk diaplikasikan di dalam pengajaran dan pengajaran PAK 21 kepada murid-murid berdasarkan kepada perubahan sistem pendidikan pada masa kini.

### **Kemahiran 4K**

Terdapat empat kemahiran (4K) yang seharusnya dikuasai oleh murid dalam pembelajaran abad ke-21 iaitu komunikasi, pemikiran kritis, kolaboratif dan kreativiti. Tanggungjawab memupuk kemahiran pembelajaran abad ke-21 dilihat sebagai sangat penting dalam visi mencapai PPPM

2013-2025 dan kesemua guru memainkan peranan utama dalam merealisasikan misi ini bagi mencapai hasil yang terbaik. Pengetahuan perlu disampaikan secara bersepadu ke dalam aktiviti-aktiviti pembelajaran. (Azmi, M.N dan Nurzatulshima, 2017). Bahkan kemahiran 4K ini perlu disesuaikan dalam pengajaran dan pengajaran supaya murid dapat menguasai kemahiran 4K ini. Justeru itu guru bertanggungjawab bagi memastikan kemahiran ini dapat dilaksanakan dengan begitu berkesan.

### **Amalan Pengajaran PAK 21 Di Dalampendidikan Islam**

Dalam kajian yang dijalankan oleh Mohd Faizulamri et al. (2021) yang bertajuk keperluan penilaian pelaksanaan mata pelajaran maharat al-quran di Sekolah Menengah Tahfiz Model Ulul Albab menyatakan bahawa penilaian pelaksanaan mata pelajaran maharat al-quran di sekolah perlu diselaraskan dengan perubahan gelombang pendidikan Kementerian Pendidikan Malaysia dalam menjayakan misi mengintegrasikan ilmu secara bersepadu. Hasil dalam kajian ini juga mendapati alat bantu mengajar memberikan impak yang tinggi terhadap keberkesanan PdPc. Antara cadangan yang dibangkitkan dalam kajian ini adalah berkenaan dengan supaya dilaksanakan penilaian terhadap mata pelajaran elektif dalam Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) sebagai satu usaha untuk penambahbaikan. Oleh itu mata pelajaran Pendidikan Islam juga mengalami perubahan dalam meningkatkan keberkesanan PAK 21.

Menurut Wardyawaty dan Mohd Isa (2020) dalam tajuk kajian sistematik pengajaran abad ke-21 (PAK21) dalam kalangan guru pendidikan Islam (GPI) menjelaskan tema amalan merupakan tema yang sering menjadi perhatian pengkaji kerana dapat membantu guru pendidikan Islam untuk memberikan pengajaran yang baik kepada pelajar-pelajar. Antara tiga tema yang ditekankan dalam kajian ini, yang pertama kesediaan guru dalam aspek pengetahuan, kemahiran dan sikap guru pendidikan islam dalam merealisasikan PAK21. Yang kedua adalah amalan yang merujuk kepada tahap pengamalan guru pendidikan islam dalam mengamalkan kemahiran PAK21. Yang ketiga adalah keberkesanan pengajaran guru yang mengamalkan PAK21 kepada pelajar. Oleh itu GPI perlu sentiasa bersedia dengan kemahiran PAK 21 dalam pengajaran dan elemen PAK 21 perlu diterapkan dalam pengajaran bagi memastikan keberkesanan PAK 21 kepada pelajar.

Dalam kajian yang dibuat oleh Sharifah Norshah et al. (2018) yang bertajuk kaedah pengajaran dan pembelajaran al-quran: kajian di masjid UniSZA menyatakan pengajaran dan pembelajaran di malaysia seiring dengan kedatangan dan perkembangan Islam. Seiring perkembangan zaman kaedah pengajaran al-quran juga turut berubah. Ini menjadi bukti bahawa pengajaran al-quran tidak ketinggalan zaman. Dalam kajian ini pengkaji ingin membuat perbandingan antara kaedah tradisional dengan kaedah pengajaran kontemporari. Hasil kajian mendapati penggunaan kaedah pengajaran kontemporari meningkatkan lagi penguasaan pelajaran al-quran dalam kalangan pelajar. Justeru itu penggunaan teknologi terutama kemahiran penggunaan ICT dalam pengajaran Pendidikan Islam amat penting pada masa sekarang mengikut peredaran zaman yang akan menitikberatkan PAK 21 disamping berkemahiran penggunaan ICT dalam pelaksanaan proses pengajaran dan pembelajaran.

### **DAPATAN DAN PERBINCANGAN**

Berdasarkan kajian yang telah dijalankan, perbincangan mengenai dapatan kajian bermula dengan pelaksanaan PAK 21 dalam pengajaran dan pembelajaran Tilawah Al Quran. Kemudian perbincangan seterusnya dengan mengkaji elemen 4K di dalam PdPc Tilawah Al Quran.

Perbincangan seterusnya adalah mengenai penggunaan teknologi terhadap pelaksanaan PAK 21 di dalam Tilawah Al Quran. Akhir sekali perbincangan mengenai keberkesanan PAK 21 dalam pembelajaran Tilawah Al Quran serta isu pelaksanaan PAK 21 dalam pembelajaran Al Quran.

### **Pelaksanaan Pembelajaran Abad Ke-21 (PAK21) Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Tilawah Al-Quran**

Pelaksanaan Pengajaran dan Pemudahcaraan (PdPc) Tilawah al-Quran telah dilaksanakan dalam mata pelajaran Pendidikan Islam di peringkat sekolah rendah dan menengah melalui beberapa kaedah pengajaran seperti *Talaqqi Musyafahah* (Mohd Syakir & Mohd Farid 2021) kerana ianya membawa kepada kesan yang positif. Pendekatan *Talaqqi Musyafahah* yang diamalkan di sekolah-sekolah merupakan legasi kaedah pengajaran tertua namun dilaksanakan dalam acuan yang berbeza. Ia bertujuan melatih kemahiran dan kebolehan membaca al-Quran dengan cara mudah serta pantas tetapi masih mementingkan aspek hukum tajwid (Sharifah Norshah et al. 2018). Fokus pelaksanaan PdPc Tilawah al-Quran adalah memastikan murid boleh khatam al-Quran sebelum tamat belajar. Namun begitu, Pembelajaran Abad Ke-21 (PAK21) merupakan satu pendekatan yang telah diberi perhatian dalam PdPc Pendidikan Islam (Wardyawaty & Isa 2020) sejak diperkenalkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) pada tahun 2014. Pelaksanaan PAK21 menyaksikan keperluan menerapkan teknologi dalam pengajaran guru bagi memacu sistem Pendidikan Islam ke peringkat global (Fenny Farhana & Hafizah 2021) dan memenuhi hasrat pendidikan anak-anak di masa depan. Sehubungan dengan itu, berdasarkan definisi konsep mengenai PAK21 yang telah dibincangkan sebelum ini, elemen-elemen 4K 1N iaitu Kreativiti, Komunikasi, Kolaboratif dan Kritis serta Nilai perlu dilihat pelaksanaan PAK21 dalam PdPc Tilawah al-Quran. Seterusnya, penggunaan teknologi dalam pelaksanaan PAK21 terhadap PdPc Tilawah al-Quran akan diterangkan dalam bahagian ini kerana Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK) juga merupakan komponen penting dalam PAK21.

### **Elemen 4K Di Dalam PdPc Tilawah Al-Quran**

Seperti mana diterangkan sebelum ini, elemen 4K merujuk kepada Kreativiti, Komunikasi, Kolaboratif dan Kritis serta Nilai merupakan elemen yang signifikan untuk diimplimentasikan dalam PdP Tilawah al-Quran. Terdapat beberapa kajian yang menunjukkan PdPc Tilawah al-Quran dilaksanakan dalam bentuk permainan (Siti Aisyah & Hafizhah 2020) dan inovasi (Hamir Hamzah & Mohamad Hilmi 2019) bagi mewujudkan suasana PAK21 berpusatkan murid. Hal ini secara tidak langsung membantu murid untuk menguasai bacaan al-Quran dan hukum tajwid.

Selain daripada itu, pelaksanaan PAK21 dalam PdP tilawah al-Quran boleh berlaku apabila kemahiran komunikasi dan kemahiran berfikir (Wan Mariana 2020) diterapkan melalui pendekatan bersumberkan al-Quran (Wan Mariana, Kamarul Shukri & Wan Ali 2020) mengikut model dan metod yang dibina. Kemahiran kolaboratif juga boleh dilaksanakan melalui pendekatan PAK21 dengan menggunakan kaedah yang sesuai seperti Circle Time (Siti Aisyah & Hafizhah 2020) yang mendorong persekitaran pembelajaran aktif di dalam bilik darjah. Penerapan kaedah berkonsepkan PAK21 dapat membantu guru memupuk kemahiran kolaboratif (Ismail & Lukamanul 2018) dalam kalangan murid ketika PdPc Tilawah al-Quran dijalankan. Kemahiran asas dan pengetahuan terhadap kaedah-kaedah yang bersesuaian dalam PdPc Tilawah al-Quran perlu dikuasai oleh guru (Syar Meeze 2017) agar pelaksanaan PAK21 lebih bermakna dan berkesan kepada semua murid.

Selain itu, elemen kreativiti dalam PdPc Tilawah al-Quran boleh dilihat menerusi penggunaan Bahan Bantu Mengajar (BBM) yang dihasilkan oleh Guru Pendidikan Islam (GPI) untuk menarik minat murid mempelajari al-Quran termasuk penggunaan kitab al-Quran. Ini kerana, kitab al-Quran boleh menjadi manual istimewa untuk PAK21 (Wan Mariana & Kamarul Shukri 2019) kepada GPI dan murid apabila dibaca dan difahami. Penggunaan BBM bercirikan PAK21 boleh menggalakkan penglibatan aktif murid (Alizah dan Zamri 2021) dan merangsang kemahiran kreatif murid-murid serta menjadikan PdPc Tilawah al-Quran berpusatkan murid. Selain itu juga, melalui amalan penggunaan BBM mampu menjana Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) (Mohd Syaubari & Ahmad Yunus 2017) yang merupakan elemen penting dalam PAK21. Ini membantu murid untuk mengikuti PdPc Tilawah al-Quran dengan lebih berfokus dan berkesan. Oleh itu, berdasarkan perbincangan ini mendapati pelaksanaan PAK21 dalam PdPc Tilawah al-Quran mampu menerapkan kemahiran 4K 1N ke dalam diri murid serta menjadikan generasi alpha yang celik kepada al-Quran di abad ke-21 ini (Mohd Zabani 2021).

### **Penggunaan Teknologi Terhadap Pelaksanaan PAK21 Dalam PdPc Tilawah Al-Quran**

Penggunaan teknologi dalam bentuk aplikasi atau Bahan Bantu Mengajar (BBM) bagi melaksanakan PdPc Tilawah al-Quran dalam abad ke-21 menunjukkan perubahan yang lebih baik. Ini kerana, pendidikan al-Quran boleh disampaikan tidak hanya secara bersemuka namun boleh dilaksanakan secara atas talian khususnya ketika negara menerima ancaman wabak penyakit Coronavirus atau Covid-19. Pentingnya pelaksanaan PdPc Tilawah al-Quran secara maya semasa pandemik Covid-19 (Hamdi, Siti Fatimah & Sabri 2021; Abdul Hanis Embong 2021) adalah bagi melahirkan insan celik al-Quran serta mengelakkan keciciran pelajar yang buta huruf dalam membaca al-Quran. Akibatnya penggunaan teknologi dalam pelaksanaan PdPc Tilawah al-Quran lebih meluas dalam kalangan GPI semasa PdPR melalui Google Meet, Telegram mahupun aplikasi Whatsapp. Buktinya, penggunaan teknologi berbentuk aplikasi multimedia interaktif (Nur Atiqah & Noornajihan 2018; Nur Syamira et al. 2017) mampu memberikan kesan yang positif dalam meningkatkan kualiti penguasaan bacaan al-Quran dan membantu mempelajari bacaan al-Quran dengan lebih baik. Hal ini merujuk Abdul Haris Pito (2018) bahawa penggunaan media pembelajaran seperti media audio, visual sehingga berkonsepkan multimedia penting bagi setiap muslim terutama GPI untuk melaksanakan PAK21 dalam PdPc Tilawah al-Quran dengan lebih berkesan.

Walau bagaimanapun, penggunaan teknologi multimedia didapati masih di tahap sederhana (Siti Aminah & Fazlinda 2019) dalam kalangan guru yang memerlukan kesedaran betapa pentingnya pengetahuan dan kemahiran berkaitan ICT bagi melaksanakan PAK21 dalam PdPc Tilawah al-Quran. Masalah yang berlaku dalam pelaksanaan Tilawah al-Quran semasa PdPR seperti tahap capaian internet yang tidak stabil dan kekurangan kemudahan peranti (Norzi & Mohd Isa 2021) perlu ditangani oleh guru dengan mempertingkatkan kemahiran dalam mengadaptasi teknologi dalam pendidikan dengan lebih agresif supaya PAK21 dapat mencapai objektif dengan optimum.

Keberkesanan PdP berteraskan PAK21 bergantung kepada kemahiran dan kesediaan guru dalam mengolah corak pengajaran sesuai dengan dasar pendidikan negara. Rafferty et al (2013) dan Anghalechea (2012) menyatakan kesediaan merupakan perkara penting dalam menghadapi perubahan bagi menentukan kejayaan terhadap pembaharuan tersebut. Meskipun guru berhadapan kekangan masa untuk menghabiskan sukatan pelajaran dan dibebani tugas lain (Norazlin, 2019). Namun, kesediaan dalam konteks pengetahuan, kemahiran dan sikap merupakan elemen yang perlu ada bagi menjalankan suatu tugas dengan efisien (Thorndike,

1932). Walau bagaimanapun, Jaggil (2018) menyatakan kesediaan guru turut meliputi penstrukturan kaedah pengajaran dan peningkatan terhadap keperluan pengintegrasian kemahiran dalam PdP. Justeru, kemahiran 4C (Communication, Collaborative, Critical Thinking, Creativity) merupakan kemahiran yang disenaraikan oleh American National Education Association (2015) yang perlu ada dalam kalangan murid sejajar dengan perkembangan ekonomi dan teknologi dunia. Generasi hari ini perlu bersaing di peringkat global dengan memiliki kemahiran 4C. Oleh itu, Erdogan (2019) berpendapat guru perlu memenuhi semua kemahiran ini dalam semua mata pelajaran untuk menanam nilai kewarganegaraan dan berdaya saing melalui PdP.

Amalan pengajaran berasaskan KBAT antara elemen yang terdapat dalam PAK21. Ianya boleh diterapkan dalam setiap fasa pengajaran iaitu peringkat induksi, pengembangan isi pelajaran dan penutup. Kaedah penyoalan merupakan kaedah PdP yang mampu merangsang daya pemikiran murid melalui pelbagai bentuk pendekatan seperti penyoalan secara bersasar, penyoalan secara rawak atau penyoalan berbentuk penilaian (Brookhart & Susan, 2007; Muhammad Sofwan & Roslinda; 2015). Guru dilihat berperanan untuk mengutarakan soalan KBAT dengan menggunakan kata soal seperti bagaimana, kenapa serta meminta murid untuk membuat perbandingan. PAK21 juga merupakan amalan pedagogi dan pengajaran terbaik yang mengaplikasikan pelbagai strategi, teknik, pendekatan dan sumber bagi memastikan PdP teradun secara sekata antara guru, murid dan bahan (Yunos, 2015). Oleh itu, dapat dilihat bahawa amalan merupakan aspek yang perlu dilihat dalam memastikan PAK21 dapat dilaksanakan dalam mata pelajaran Pendidikan Islam.

Di samping kepelbagaian kaedah dan strategi pembelajaran yang digunakan, aspek keberkesanan menjadi elemen dalam PAK21 yang perlu dilihat agar proses PdP yang dijalankan dapat membentuk satu kefahaman konseptual yang luas selain dapat dihubungkan dengan pelbagai situasi. Kajian Umi Kalthom dan Ahmad (2014) menunjukkan penerapan PAK21 dalam PdP berkesan bagi mewujudkan situasi pembelajaran lebih seimbang dalam konteks pembangunan jasmani, emosi, rohani dan intelek. Seterusnya kemahiran yang diperolehi oleh murid dapat diaplikasikan dalam kehidupan insaniah pelajar. Manakala kajian Yahya dan DK. Suzanawaty (2014) yang dijalankan di salah sebuah sekolah di Zon Brunei 11A terhadap penerapan PAK21 dalam PdP melalui penulisan berbentuk risalah telah menunjukkan keberkesanan dengan peningkatan kadar pencapaian murid menguasai kemahiran menulis. Justeru, keberkesanan PdP bergantung kepada cara guru menyesuaikan kaedah dan strategi pengajaran berdasarkan keupayaan pelbagai yang terdapat pada murid. Pemilihan kemahiran yang sesuai dengan objektif pembelajaran juga perlu selari dengan persekitaran yang ada pada masa itu. Situasi semasa jelas menunjukkan Pandemik Covid19 telah mengubah landskap sistem pendidikan negara dengan melaksanakan Pengajaran dan Pembelajaran dari Rumah (PDPR). Guru perlu menjadi lebih kreatif dan proaktif dalam memanfaatkan teknologi bagi memastikan keberkesanan terhadap PdP.

### **Keberkesanan PAK21 Dalam Pembelajaran Tilawah Al-Quran**

Keberkesanan PdP al-Quran berteraskan PAK21 bergantung kepada kemahiran dan kesediaan guru dalam mengolah corak pengajaran sesuai dengan dasar pendidikan negara. Rafferty et al. (2017) dan Anghalechea (2018) menyatakan kesediaan merupakan perkara penting dalam menghadapi perubahan bagi menentukan kejayaan terhadap pembaharuan tersebut. Meskipun guru berhadapan kekangan masa untuk menghabiskan sukatan pelajaran dan dibebani tugas lain (Norazlin, 2019). Namun, kesediaan dalam konteks pengetahuan, kemahiran dan sikap merupakan elemen yang perlu ada bagi menjalankan suatu tugas dengan efisien. Walau



bagaimanapun, Jaggil (2018) menyatakan kesediaan guru turut meliputi penstrukturan kaedah pengajaran dan peningkatan terhadap keperluan pengintegrasian kemahiran dalam PdP.

Justeru, kemahiran 4C (*Communication, Collaborative, Critical Thinking, Creativity*) merupakan kemahiran yang disenaraikan oleh *American National Education Association* (2015) yang perlu ada dalam kalangan murid sejajar dengan perkembangan ekonomi dan teknologi dunia. Generasi hari ini perlu bersaing di peringkat global dengan memiliki kemahiran 4C. Oleh itu, guru perlu memenuhi semua kemahiran ini dalam semua mata pelajaran untuk menanam nilai kewarganegaraan dan berdaya saing melalui PdP.

Di samping kepelbagaian kaedah dan strategi pembelajaran al-Quran yang digunakan, aspek keberkesanan menjadi elemen dalam PAK21 yang perlu dilihat agar proses PdP yang dijalankan dapat membentuk satu kefahaman konseptual yang luas selain dapat dihubungkan dengan pelbagai situasi. Kajian Umi Kalthom dan Ahmad (2018) menunjukkan penerapan PAK21 dalam PdP berkesan bagi mewujudkan situasi pembelajaran lebih seimbang dalam konteks pembangunan jasmani, emosi, rohani dan intelek. Seterusnya kemahiran yang diperolehi oleh murid dapat diaplikasi dalam kehidupan insaniah pelajar. Manakala kajian Yahya dan DK. Suzanawaty (2019) yang dijalankan di salah sebuah sekolah di Zon Brunei 11A terhadap penerapan PAK21 dalam PdP melalui penulisan berbentuk risalah telah menunjukkan keberkesanan dengan peningkatan kadar pencapaian murid menguasai kemahiran menulis. Justeru, keberkesanan PdP bergantung kepada cara guru menyesuaikan kaedah dan strategi pengajaran berdasarkan keupayaan pelbagai yang terdapat pada murid. Pemilihan kemahiran yang sesuai dengan objektif pembelajaran juga perlu selari dengan persekitaran yang ada pada masa itu. Situasi semasa jelas menunjukkan Pandemik Covid19 telah mengubah landskap sistem pendidikan negara dengan melaksanakan Pengajaran dan Pembelajaran dari Rumah (PDPR). Guru perlu menjadi lebih kreatif dan proaktif dalam memanfaatkan teknologi bagi memastikan keberkesanan terhadap PdP.

Dalam pembelajaran al-Quran pada masa kini melihat kesediaan guru yang mengajar. Kajian yang dijalankan oleh Noraini Omar & Musliha Ismail. (2018) mendapati, tahap kesediaan guru dalam melaksanakan pengajaran dan pembelajaran abad ke-21 di dalam bilik darjah adalah sederhana dari aspek kognitif, tingkah laku dan afektif. Implikasi kajian ini menunjukkan bahawa, dalam melaksanakan pengajaran dan pembelajaran abad ke-21, tahap kesediaan dari aspek pengetahuan itu penting bagi seseorang guru. Tahap kesediaan yang tinggi dari aspek tingkah laku dan emosi juga perlu ada pada diri seseorang guru agar pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran abad ke-21 dapat dilaksanakan dengan jayanya sama ada di dalam bilik darjah atau di luar bilik darjah.

Untuk meningkatkan merealisasikan pembelajaran Tilawah al-Quran abad ke-21, motivasi memainkan peranan yang amat penting. Dalam kajian Ainun Rahmah et al. (2017), pembelajaran abad ke-21 memberi kesan positif kepada sikap, motivasi pelajar seterusnya meningkatkan pencapaian mereka dalam pembelajaran. Oleh itu, dalam melahirkan pelajar yang cemerlang pada abad ke-21 dalam pembelajaran Tilawah al-Quran, guru-guru perlu mempunyai kesediaan yang tinggi dan mampu memperlengkapkan diri mereka dari aspek kognitif, tingkah laku dan afektif sebagaimana hasrat negara yang tercatat dalam FPK .

## ISU PELAKSANAAN PAK 21 DALAM PEMBELAJARAN AL-QURAN

Pelbagai isu pembelajaran al-quran didalam kelas diperkatakan dan dibincangkan berkaitan dengan pelaksanaan PAK 21 dalam sistem pendidikan di Malaysia. Semasa pelaksanaan PAK 21, guru dan murid sangat memainkan peranan penting dalam menjayakan pelaksanaan dasar Kementerian Pendidikan Malaysia ini. Dapatan kajian oleh sarjana menunjukkan bahawa kaedah PdPc perlu berubah seiring dengan perubahan dan perkembangan teknologi siber dan akses internet yang semakin maju. Namun begitu, kaedah pengajaran konvensional “*chalk and talk*” masih meluas digunakan. Ini memperlihatkan tahap kesediaan guru-guru untuk membuat transformasi kaedah PdPc di dalam kelas masih lambat berlaku dalam sistem pendidikan di negara ini (Badrul Hisham & Mohd Nasruddin, 2016). Seiring dengan perkembangan dunia pendidikan yang sentiasa dinamik, guru seharusnya menggunakan pendekatan pengajaran yang lebih kreatif dan relevan dengan perkembangan semasa. Tambahan pula, kaedah pengajaran yang digunakan oleh guru dalam proses PdPc mempunyai kesan yang besar kepada pencapaian objektif PdPc di dalam kelas. Pemilihan strategi, perancangan dalam menentukan kaedah, teknik dan aktiviti PdPc (Ismail Suardi Wekke, 2014).

Keperibadian guru yang mengajar al-quran memberi pengaruh yang besar terhadap bahan bantu mengajar. Menurut Husni et al. (2018), kesediaan dan kefahaman guru yang mengajar al-Quran merupakan faktor penting dalam pelaksanaan PAK-21. Guru perlu menyediakan diri mereka dengan pengetahuan tentang apa itu PAK-21 dan perlu bersedia dan berupaya untuk melaksanakannya. Dapatan kajian terdahulu juga menyatakan keperibadian guru mempengaruhi sikap guru terhadap penggunaan bahan bantu mengajar dan penguasaan teknologi dalam PdPc guru-guru (Abdul Wahab, Kamaliah Siarap & Hasrina Mustafa, 2006; Husni et al., 2018). Dapatan menunjukkan bahawa guru didapati tidak bersedia, tidak berkeyakinan, tidak pandai dan tidak minat untuk menggunakan teknologi (Abdul Wahab et al., 2006; Husni et al., 2018) serta tidak mempunyai pengalaman yang cukup dalam mendepani revolusi perkembangan dunia pendidikan (Mohd Izham & Noraini Attan, 2007; Husni, 2018). Tambahan pula, dapatan kajian-kajian terdahulu berkaitan dengan tahap kesediaan guru khususnya berdasarkan tahap amalan dan pengalaman mengajar menunjukkan dapatan yang tidak konsisten (Noh, Mustafa & Ahamad, 2014; Toprak & Summak, 2014; Jaggil & Muhd Suhaimi, 2018).

## KESIMPULAN

Bagi menjayakan PAK 21 dalam pembelajaran al-Quran dilihat pada kebijaksanaan para guru ketika mengendalikan sesi pembelajaran yang berlangsung. Selain dari itu strategi yang dirangka oleh guru akan membantu pencapaian PAK 21 dalam pembelajaran al-Quran dari kalangan pelajar pada masa kini. Disamping itu kesediaan guru dalam beradaptasi dengan teknologi yang dikatakan terlalu cepat berkembang perlu dipandang satu bantuan yang membantu dalam ssesi pembelajaran al-quran pada masa kini. Dalam hal ini, pelajar juga perlu diberi motivasi supaya sedar kepentingan teknologi yang banyak membantu dalam pembelajaran al-quran. Pada masa yang sama, isu yang timbul seperti kaedah PdPc yang tidak seiring dengan perkembangan teknologi dan akses internet perlu diubah jika ingin mencapai matlamat untuk melestarikan pembelajaran al-quran pada masa kini. Berkaitan dengan isu tersebut juga keperibadian guru mempengaruhi sikap guru terhadap bahan bantu mengajar yang terkini. Jika guru membuang sikap pengabaian terhadap teknologi maka peningkatan prestasi pembelajaran pelajar akan meningkat dengan lebih cepat dan lebih berkesan.

## RUJUKAN

- Alizah Lambri & Zamri Mahamood. 2021. Penggunaan Alat Bantu Mengajar Dalam Pengajaran Bahasa Melayu Menggunakan Pendekatan Pembelajaran Berpusatkan Pelajar. *International Journal of Education, Psychology and Counseling* 4 (33): 78-94.
- Anghelachea, V., & Bentea, C. C. 2018. *Educational Changes and Teachers' Attitudes Towards, University Romania*. *Procedia-Social and Behavioral Sciences* 33 (2018) 593-597.
- Fenny Farhana Mohd Sajari & Hafizhah Zulkifli. 2021. Pelaksanaan Model Tasmik j-QAF Secara Dalam Talian : Satu Pendekatan. *International Journal of Advanced Research in Islamic Studies and Education (ARISE)* 1 (3): 1-14.
- Hamir Hamzah Jaafar & Mohamad Hilmi Mat Said. 2019. Inovasi Pengajaran Untuk Menarik Minat Pelajar Menguasai Ilmu Tajwid. *International Journal of Humanities Technology and Civilization (IJHTC)* 6 (1): 8-1.
- Husni Abdullah, Abd Razif Zaini, Khairatul Akmar Ab Latif, Hasanah Ihsan, Ku Fatahiyah Ku Azizan, Wan Sakiah Wan Ngah & Naqibah Mansor. 2011). *Pendidikan Abad Ke-21 Dalam Pengajaran Bahasa Arab di Sekolah Menengah Di Malaysia: Amalan dan Cabaran*. Proceeding of 5<sup>th</sup> International Research management & Innovation Conference 5<sup>th</sup> IRMIC (2018). 7 Ogos 2018. Palm Garden Hotel, Putrajaya.
- Ismail Marzuki & Lukamanul Hakim. 2018. Model Pembelajaran Kooperatif Perspektif Al-Qur'an. *Rausyan Fikr* 14 (2): 39-52.
- Ismail Suardi Wekke. 2014. *Model Pembelajaran bahasa Arab Faktor Dorongan dan halangan Penggunaan*. Penerbitan Deepublish. Yogyakarta.
- Jaggil Apak & Muhamad Suhaimi Taat. 2018. Pengaruh Kesiediaan Guru Terhadap Pengurusan Bilik Darjah Abad Ke-21. *Malaysian Journal in Social Science and Humanities*, 3 (4): 6-22.
- James, Ang Jit Eng. 2017. Kehendak Pendidikan Abad ke-21. Dlm. *Panduan Pelaksanaan Pendidikan Abad ke-21*, hlm. 1-14. Negeri Sembilan: Institut Aminuddin Baki.
- Jemaah Nazir Sekolah. (2016). *Standard kualiti pendidikan Malaysia gelombang 2 (SKPMg2)*. Putrajaya.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. 2013. *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 (Pendidikan Prasekolah hingga Lepas Menengah)*. KPM, Putrajaya
- Kementerian Pendidikan Malaysia. 2014. *Kemahiran Berfikir Aras Tinggi aplikasi di sekolah*. Bahagian Pembangunan Kurikulum, Putrajaya.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. 2015. *Kurikulum Standard Sekolah Rendah Pendidikan Islam: Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran Tahun 1*. Bahagian Pembangunan Kurikulum, Putrajaya.
- Masyuniza Yunos. 2015. Hubungan sikap dan persepsi murid terhadap pembelajaran Bahasa Melayu dengan kemahiran abad ke-21. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 5 (2): 22- 30.
- Mohd Syakir Moktar & Mohd Farid Bin Sharif. 2021. Kaedah Talaqqī Musyafahah Dalam Tilawah Al-Quran : Method of Talaqqī Musyafahah in Reciting Al-Quran. *MANU Jurnal Pusat Penataran Ilmu Dan Bahasa (PPIB)* 32 (1): 153-174.
- Mohd Syaubari Othman & Ahmad Yunus Kassim. 2017. Keberkesanan Permulaan Pengajaran Menerusi Amalan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) Di Dalam Mata Pelajaran Pendidikan Islam Sekolah Rendah Negeri Perak. *O-JIE: Online Journal Of Islamic Education* 4 (2): 23-35.
- Mohd Faizulamri Mohd Saad, Sabri Mohamad, Latifah Abdul Majid, Nik Md Saiful Azizi Nik Abdullah, Rabi'atul Athirah Muhamad Isa. Keperluan Penilaian Pelaksanaan Mata Pelajaran Maharat Al-Quran di Sekolah Menengah Tahfiz Model Ulul Albab, *Jurnal al-Turath*; Vol,6 No1; 2021.

- Mohd Zabani Jalil. 2021. *Amalan Pembelajaran Abad Ke 21 Dalam PdPc Tilawah al-Quran di Negeri Melaka*. Tesis Sarjana: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Noraini Omar & Musliha Ismail. 2018. *Kemahiran Berfikir Aras Tinggi dalam Pengajaran dan Pembelajaran Berfokuskan Kepelbagaian Budaya Murid Sekolah Rendah (KSSR)*. Proceeding The 5<sup>th</sup> International Conference on research in Islamic Education & Arabic Language 2018 “Transforming Islamic Education in Embracing Industry 4.0 Era”, hlm. 456-464.
- Norazlin Mohd Rusdin & Siti Rahaimah Ali. 2019. *Amalan dan Cabaran Pelaksanaan Pembelajaran Abad Ke-21*. Proceedings of the International Conference on Islamic Civilization and Technology Management. 23-24 November. ISBN: 978-967-2231-264.
- Nur Adibah Liyana Awi & Hafizhah Zulkifli. 2021. Amalan kreativiti Guru Pendidikan Islam dalam Pembelajaran Abad ke-21. *ASEAN Comparative Education Research Journal on Islam and Civilization (ACER-J)*, 4(1): 40-54.
- Nur Hawa Hanis binti Abdullah & Ghazali bin Darusalam. 2018. Kesiapan Guru Melaksanakan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi dalam Pengajaran. *Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*. 6 (3): 22-31.
- Rafferty, A. E., Jimmieson, N. L., & Armenakis, A. A. 2017. Change Readiness: A Multilevel Review. *Journal of Management*, 39(1), 110-135.
- Sharifah Norshah Bani Syed Bidin, Mohd Shafiee Hamzah, Tasnim Abd Rahman, Kasimah Kamaruddin & Nik Azeah Nik Azman. 2018. Kaedah pengajaran dan pembelajaran al-Quran: kajian di masjid UniSZA. *Jurnal Hadhari* 10 (1): 93-108.
- Siti Aisyah Ibrahim & Hafizhah Zulkifli. 2020. Penggunaan Kaedah Circle Time Dalam Meningkatkan Kemahiran Membaca Bacaan Mad Asli Dan Mengenal Mad Asli. *Journal of Educational Research & Indigenous Studies*. Volume: 1 (1): 1-20.
- Syar Meeze Mohd Rashid. 2017. Kemahiran Asas Serta Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran al-Quran kepada Golongan Istimewa. *Journal of Quran Sunnah Education & Special Needs* 1(1): 1-12.
- Umi Kalthom Mahbib & Ahmad Esa. 2014. *Kaedah Koperatif sebagai Pilihan Kelas Abad 21: Sorotan Literatur*. International Seminar on Teaching and Vocational Education 2014 (TVEIS 2014).
- Wan Mariana Wan Mohamad & Kamarul Shukri Mat Teh. 2020. Amalan Kemahiran Berfikir Berasaskan Analisis Kandungan Al-Quran Dalam Pembelajaran Abad Ke-21 Pendidikan Islam: Aplikasi Fuzzy Delphi Method. *Jurnal Refleksi Kepemimpinan* 3: 1-19.
- Wan Mariana Wan Mohamad, Kamarul Shukri Mat Teh & Wan Ali Akbar Wan Abdullah. 2020. Model Interaksi dengan Allah dan Alam Berasaskan al-Quran dalam Pembelajaran Abad ke-21 Pendidikan Islam. *JQSS-Journal of Quran Sunnah Education and Special Needs* 4 (2): 22-33.
- Wardyawaty Rajikal & Mohd Isa Hamzah. 2020. Kajian Sistematis Pengajaran Abad Ke-21 (PAK21) Dalam Kalangan Guru Pendidikan Islam (GPI). *Malaysian Online Journal of Education* 4 (2): 103-113.
- Wardyawaty Rajikal & Mohd. Isa Hamzah. 2020. *Hubungan Tahap Kesiapan Mengajar dengan Tahap Amalan Pengajaran Abad Ke-21 (PAK21) dalam Kalangan Guru Pendidikan Islam (GPI)*. Webinar ICIEd 2020: International Conference on Islamic Education, hlm. 377-385.
- Yahya Othman & Dr. Suzanawaty Pg. Osman. 2014. Keupayaan Menguasai Kemahiran Menulis Melalui Pembelajaran Berasaskan Projek Dalam Penulisan Berbentuk Risalah Di Sekolah Rendah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*.